

16 MAY 2000

Musa-Pendidikan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAPAT TAMBAHAN PERUNTUKAN, KATA MUSA

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan sebanyak RM45.46 juta pada tahun ini iaitu pertambahan sekali ganda berbanding RM20 juta pada tahun lepas untuk program Latihan Dalam Perkhidmatan, kata menterinya Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata pertambahan itu menunjukkan komitmen kerajaan terhadap usaha meningkatkan martabat guru melalui peluang-peluang memantapkan penguasaan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang profesional yang berkaitan dengan kerjaya perguruan.

Di bawah program khas siswazah guru yang antara lain memberi peluang kepada guru bukan siswazah memperolehi ijazah pertama, kementerian meluluskan permohonan 549 orang untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah lanjutan, katanya pada sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan perayaan itu yang bertemakan "Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan."

Musa berkata kementerian akan memperluaskan peluang kepada guru untuk meningkatkan kelayakan akademik dan profesional mereka melalui pelbagai cara yang dapat mengangkat martabat kerjaya perguruan di negara ini.

Beliau berkata di bawah skim kenaikan pangkat berasaskan tempoh perkhidmatan bagi guru yang lama berkhidmat di bawah kategori DG3 dan DGA6, seramai 3,550 guru siswazah dan 6,745 guru lepasan mendapat manfaat hasil pelaksanaan skim itu.

Musa berkata kementerian juga bercadang meningkatkan kemudahan yang ada termasuk menambah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membina rumah guru.

Antara kemudahan itu ialah menyediakan tempat kerja yang lebih selesa seperti bilik rehat guru yang berhawa dingin dan dilengkapi komputer, katanya.

-- BERNAMA

HK AKD